



1 RAHSIA KUAT INGATAN DARI RASULULLAH S.A.W

**Amalan dan petua mujarab dari Rasulullah
S.A.W**

Bacalah..

Assalamualaikum wbt..

Tahniah berjaya dapatkan ebook ini. Ebook ini hanya memberikan makna sekiranya anda bertindak sahaja. Ilmu tanpa amal adalah sia-sia. Biasa dengar, kan?

Tajuk saya ini, mungkin agak rare bagi sebahagian orang. Mungkin juga ada yang dah tahu tapi belum pernah buat, dan mungkin ada juga yang dah tahu dan memang amalkan.

Tajuknya ialah 1 Rahsia Untuk Kuatkan Ingatkan, dan petua dan amalan ini adalah dari Rasulullah S.A.W.

.

Ok baik.. Kita mulakan.. Bismillah..

1 Rahsia ini adalah dengan cara kita dirikan solat sunat.

Solat sunat apa?

Nama solat sunat ini adalah **SOLAT SUNAT TAQWIYATUL HIFZI.**

Adakah anda pernah dengar? Kalau ya tahniah.

Solat Sunat Hifzi ini kita buat dengan tujuan bermunajat kepada ALLAH supaya dikuatkan hafalan kita. Solat ini sesuai diamalkan bilamana dah nak dekat exam. Boleh ajar anak-anak kita sekali.

.

Bercerita mengenai solat sunat hifzi ini, saya teringat masa saya dan rakan2 dipaksa buat masa kami menghafal al-Quran di KIAS, Kelantan.

Kami dipaksa untuk bangun jam 3 pagi, saya dan rakan-rakan berkumpul dalam satu kabin yang dijadikan kelas, dan kami lakukan solat sunat ini secara berjemaah, sekali dengan murobbi dan guru tasmi' kami.

Solat ini agak panjang. Dan mungkin juga boleh terketar-ketar lutut bagi yang belum biasa buat.

Tetapi, Alhamdulillah! Kesan dia sangat power dan mujarab. Dengan izin ALLAH. Kita memohon pada ALLAH untuk kuatkan ingatan dan hafalan al-Quran kita.

.

Solat ini disunatkan bagi mereka yang nak kuatkan hafalan, terutama kita yang sudah berada dalam dunia hafalan.

Ini Kaedah Atau Cara Untuk Lakukan Solat Sunat Hifzi ini :

1 – Rakaat bagi solat ini adalah 4 RAKAAT dengan 2 KALI TAHIYAT AKHIR.

Maknanya solat 2 rakaat dulu, habis 2 rakaat, bangun tambah lagi 2 rakaat. $2 + 2 = 4$ Rakaat.

Lafaz niatnya : *'Sahaja Aku Solat Sunat Taqwiyyatul Hifzi 2 Rakaat Kerana Allah Ta'ala'*

2 – Buat pada malam Jumaat, sebaiknya pada sepertiga malam.

3 – Buat 3, 5 atau 7 malam Jumaat secara berturut-turut.

4 – Berikut adalah surah yang perlu dibaca pada setiap rakaat,

- ➔ Rakaat pertama : SURAH YAASIIN
- ➔ Rakaat kedua : SURAH AD-DUKHAN
- ➔ Rakaat ketiga : SURAH AS-SAJDAH
- ➔ Rakaat keempat : SURAH AL-MULK

5 – Setelah selesai solat, doalah dalam bahasa melayu sahaja. Doa minta agar dipermudahkan urusan menghafal, dikuatkan ingatan agar cepat hafal dan susah lupa.

.

Solat ini pernah dilakukan oleh para sahabat di zaman Rasulullah, seperti diriwayatkan dalam hadis oleh Imam At-Tabrani, Imam At-Tirmizi dan Imam Al-Hakim :

“Ali r.a yang mengadu kepada Rasulullah S.A.W bahawa gelincir al-Quran dari dadanya, maka Rasulullah S.A.W mengajarkannya untuk bersolat 4 rakaat.

Pada rakaat pertama dibacakan Al-Fatihah dan Yaasiin. Rakaat kedua dibacakan Al-Fatihah dan Ad-Dukhaan. Rakaat ketiga dibacakan Al-Fatihah dan As-Sajdah. Rakaat keempat dibacakan Al-Fatihah dan Al-Mulk”

.

Semoga Allah memberi kejayaan yang diberkati di sisiNya disamping kita berusaha dan berdoa sebanyak-banyaknya, agar hafalan kita mudah melekat dan susah hilang.